

07 NOV 1996
Anwar-Rasuah
JANGAN ANGGAP RASUAH AMALAN BIASA

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan rakyat supaya jangan menganggap rasuah sebagai suatu kenyataan dan amalan biasa bagi mencegahnya daripada menjadi budaya yang boleh meruntuhkan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sejarah telah banyak menunjukkan betapa empayar-empayar besar Islam dan Barat runtuh begitu mudah kerana masalah dalaman seperti rasuah dan gejala sosial yang lain bukan sahaja dianggap perkara remeh, malah dijadikan amalan oleh segenap lapisan masyarakat.

"Bagi jenayah rasuah yang lebih membimbangkan ialah apabila kita mulai menerimanya sebagai satu kenyataan. Kalau ingin dapat kontrak ada bayarannya, kalau ingin dapat kemudahan ada bayarannya, kalau ingin menang kes ada upahnya.

"Kalau pandangan dan persepsi ini (mengenai rasuah) berlaku dan kemudian (rasuah) dibenarkan berlaku maka seluruh masyarakat itu akan musnah," katanya ketika berucap merasmikan rakaman Forum Perdana Ehwat Islam anjuran bersama Badan Pencegah Rasuah (BPR), Pusat Islam dan RTM di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Anggota panel forum dua bahagian bertajuk "Antara Rasuah dan Keberkatan Rezeki" dan "Pemimpin Berwibawa" itu ialah Mufti Negeri Perak Datuk Haji Harussani Zakaria, Prof Madya Datuk Haji Hashim Yahaya (Kulliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa) dan Tuan Ibrahim Tuan Man (Institut Teknologi MARA Cawangan Pahang).

Ia dipengerusikan pakar motivasi dari Institut Pembangunan Potensi Manusia (INSPEM) Encik Roslan Haji Kassim.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata rakyat perlu menyemai sifat membencikan rasuah supaya kemapanan masyarakat sekarang dapat menjamin kelangsungan hidup generasi akan datang.

Sambil menyifatkan rasuah sebagai gejala yang perlu digeruni, beliau berkata usaha membanteras rasuah bukan sahaja perlu dilakukan di kalangan pegawai awam atau orang politik tetapi juga melibatkan sektor swasta.

"Sektor swasta yang tidak peka dan prihatin tentang permasalahan ini sebenarnya adalah sektor swasta yang bukan sahaja merompak tetapi juga merobohkan institusi sosial dalam masyarakat kita.

"Yang cukup membimbangkan ialah manakala gejala rasuah itu diterima sebagai satu kenyataan dan sebagai komponen yang tetap dalam urusan perniagaan atau berurusan dengan pemerintah atau kerajaan," katanya.

Katanya, setiap anggota masyarakat berkewajipan moral memastikan tabiat rasuah-merasuah tidak terlanjur sehingga menjadi budaya dan nampak seolah-olah diterima umum sebagai amalan biasa.

Bagi kerajaan, kata Anwar, beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan sentiasa berusaha menyokong dan merangsang peranan dan kekuatan BPR dalam usaha membanteras gejala itu. -- BERNAMA

AH NMO